

**Malaysia Masih Boleh Kekalkan Sasaran Pertumbuhan 2011 - Evio Capital
Bernama
17 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Malaysia masih boleh mengekalkan sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lima peratus bagi 2011 meskipun perbelanjaan ekonomi pada suku kedua perlahan.

Pengarah Urusan EVIO Capital Private Ltd Kelvin Miranda berkata pertumbuhan itu dipacu oleh permintaan dalaman ketika wujud kebimbangan kemelesetan berganda di Amerika Syarikat (US).

Beliau berkata pemangkin utama untuk kitaran meningkat perbelanjaan perniagaan ialah pelaksanaan projek baharu dan infrastruktur utama menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Kita mencatat keputusan kukuh pada suku pertama dan suku kedua mula perlahan, namun saya berpendapat apabila ETP bermula dan dana mulai masuk, terutama dana kerajaan, maka anda akan dapat permintaan dalaman," katanya.

Beliau berkata ekonomi Malaysia masih berdaya tahan walaupun negara jiran Singapura mungkin memasuki kemelesetan teknikal pada suku ketiga.

Bank Negara Malaysia Rabu mengumumkan KDNK berkembang empat peratus pada suku kedua 2011 berbanding 4.9 peratus pada suku pertama, susulan persekitaran luaran yang lemah.

Kelvin yang mengurus dana lindung nilai di Singapura memberitahu Bernama bahawa Singapura berkemungkinan memasuki kemelesetan teknikal berdasarkan dua suku pertumbuhan negatif.

"Saya menjangkakan ia (Singapura) akan menghadapi kemelesetan berdasarkan faktor luaran sekarang, memandangkan republik itu merupakan ekonomi yang sangat terbuka dan ia bertindak balas cepat terhadap apa sahaja yang berlaku di peringkat global," katanya.

Ekonomi Singapura menguncup 6.5 peratus berbanding suku pertama berikutan permintaan elektronik dunia yang lemah, yang meningkatkan prospek kemelesetan teknikal kedua dalam tempoh tiga tahun.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=608836>